


Permohonan operasi sepanjang PKP sehingga malam ini



BERNAMA

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menetapkan syarikat-syarikat yang mahu meneruskan operasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu menghantar permohonan sebelum jam 11.59 malam ini.

Penetapan tarikh akhir ini adalah untuk memastikan permohonan yang diterima dapat diproses pada kadar segera.

Selepas tarikh akhir ini, MITI akan memberi fokus menyaring ribuan permohonan yang telah diterima.

Selain itu, sebuah Jawatankuasa Khas yang akan diketuai Menteri Kanan dan

Menyelia MITI, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan disertai Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee serta Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi telah ditubuhkan untuk memastikan kelangsungan bekalan produk keperluan asas kepada rakyat Malaysia.

MITI dalam kenyataan hari ini berkata, bagi memastikan bekalan keperluan asas ini terjamin, permohonan syarikat-syarikat meliputi makanan, minuman, ubat-ubatan, peranti perubatan termasuk ventilator, picagari, personal protective equipment (PPE) iaitu topeng muka, sarung tangan perubatan, thermometer, kit kecemasan, barang penjagaan diri seperti sabun pencuci, bahan pembersih diri, syampu dan cecair pembasmi kuman diluluskan.

Sejak permulaan tarikh permohonan syarikat-syarikat untuk meneruskan operasi pada 19 Mac 2020, sektor-sektor yang telah diluluskan Kerajaan untuk meneruskan operasi terdiri daripada sektor pembuatan dan pengeluaran barang-barang keperluan umum yang dikategorikan penting dan kritikal.

Ia termasuk sektor Makanan dan minuman; Produk barang rumah (termasuk cecair pembasmi kuman); Peralatan perlindungan peribadi (termasuk topeng muka); Farmaseutikal; Bahan pembungkusan dan percetakan, khususnya untuk industri makanan dan minuman; Peranti perubatan, dan pembedahan; dan Minyak dan gas.

Semua permohonan-permohonan syarikat dilakukan secara atas talian, emel dan laman sesawang MITI.

Syarikat-syarikat yang memohon perlu mengikut syarat disenaraikan antaranya adalah syarikat diwajibkan untuk menetapkan jumlah pekerja yang bertugas berada di tahap minima; pengeluaran produk/hasil syarikat memberi keutamaan kepada pasaran tempatan; dan syarikat juga perlu melaksanakan garis panduan dan prosedur pencegahan Covid-19 seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Dalam pada itu, MITI menjelaskan antara punca-punca permohonan ditolak nadalah kerana syarikat yang memohon bukan dikategorikan di dalam sektor yang penting dan kritikal; syarikat mengemukakan maklumat yang tidak lengkap atau tidak tepat; dan syarikat tidak mengemukakan pengurangan jumlah tenaga kerja ke tahap minima ataupun sekurang-kurangnya 50 peratus seperti yang ditetapkan kerajaan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558146/permohonan-operasi-sepanjang-pkp-sehingga-malam-ini>

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 24 Mac 2020 @ 9:02 PM